

Headline **Sikap 'sporting' membunuh**
Date **14 Nov 2010**
MediaTitle **Berita Minggu**
Section **Nasional**
Journalist **Zul Husni Abdul Hamid**
Frequency **Daily**
Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**
Page No **14**
Article Size **384 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **10,106**
PRValue **30,317**



Sikap 'sporting' membunuh

Subjek Reproduktif boleh bantu tangani masalah sosial

ISU remaja terbabit dalam aktiviti seks bebas, penyalahgunaan dadah dan pembuangan bayi sudah sering dibaca. Berikutan itu, bagi menanganinya, kerajaan bakal memperkenalkan subjek Pendidikan Kesihatan Reproduktif di sekolah menengah pada Januari depan. Apakah ini memadai untuk menangani isu sosial yang semakin serius itu? Wartawan *Edisi Mingguan* Zul Husni Abdul Hamid mendapatkan pandangan pengacara, pelakon dan selebriti sokongan Riben Merah Majlis Aids Malaysia, Fahrin Ahmad.

?Rabu lalu, Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Wee Ka Siong, menyatakan kerajaan akan memperkenalkan subjek Pendidikan Kesihatan Reproduktif di sekolah menengah mulai Januari depan bagi mengekang masalah pembuangan bayi. Apakah ia memadai bagi menangani masalah yang kian menular itu.

Isu ini patut dilihat secara menyeluruh. Pengenalan subjek itu sendiri pada pandangan saya ada pro dan kontranya. Apakah hanya kerana ingin mengatasi isu sosial yang menular dewasa ini lalu subjek itu diperkenalkan? Bagaimana dengan impak jangka masa panjang. Saya bimbang andai pengenalan subjek itu nanti tidak lebih daripada retorik. Sekadar ada tetapi tidak memberikan impak sepenuhnya dalam usaha mencari titik penyelesaian bagi menangani isu sosial yang semakin serius. Permasalahan ini membabitkan usaha semua pihak secara menyeluruh. Asasnya, didikan bermula dari rumah. Untuk apa diperkenalkan pelbagai subjek baru tetapi aspek pendidikan penting terutama berkaitan keagamaan yang perlu dipupuk

dari rumah diabaikan? Semua pihak perlu menggembelng tenaga bersama untuk memastikan usaha ini efektif dan tidak hanya terhenti setakat itu saja.

Headline **Sikap 'sporting' membunuh**
Date **14 Nov 2010**
MediaTitle **Berita Minggu**
Section **Nasional**
Journalist **Zul Husni Abdul Hamid**
Frequency **Daily**
Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**
Page No **14**
Article Size **384 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **10,106**
PRValue **30,317**

? Bagaimanakah persepsi atau penerimaan pelajar itu sendiri. Apakah mereka boleh didedahkan dengan subjek yang begitu asing berikutan tanggapan masyarakat, terutama ibu bapa yang menganggap topik itu sebagai sesuatu yang tertutup.

Subjek ini bukan sesuatu yang baru kerana ketika di sekolah agama dulu, kita pernah didedahkan dengan topik seperti muna-kahat dan sebagainya. Justeru, topik ini sudah ada dalam sistem pembelajaran tetapi tidak dititik-beratkan secara serius. Mungkin kerana masyarakat melihat topik itu sebagai 'taboo' atau pantang larang, jadi perbincangan mengenainya jarang dibincangkan secara terbuka. Hakikatnya ketika masih di bangku sekolah dulu, topik ini dibincangkan secara berhemah dan beretika. Andai mahu ditekankan juga subjek ini, ia harus dialas dengan pegangan agama dan tidak terlalu tunduk kepada cara kebaratan. Masyarakat harus menerima subjek itu sebagai satu elemen pendidikan dan tidak menjadikannya sebagai isu sensasi hingga lari daripada matlamat asal.

? Bagaimana pula dengan tenaga pengajar dan skop pengajaran mereka. Mungkin ada cadangan bagi menjadikan subjek itu lebih menarik, lebih mudah dihayati dan tidak kekal sebagai satu mata pelajaran membosankan.

Seperkara yang masih menjadi perdebatan, apakah subjek yang diperkenalkan itu akan membawa kebaikan atau mung-

kin menyumbang lebih banyak kemudatan impak daripada pembabitan dalam aktiviti tidak sihat? Jika membabitkan pendidikan, subjek ini harus dibincangkan secara intelektual dan formal. Jangan jadikan skop pengajaran ini sebagai satu permainan kerana pelajar hari ini terdedah kepada pelbagai sumber mengenai seks dari luar sekolah. Sukatan subjek harus diimbangi kerana pengaruh visual dan hiburan yang provokatif bakal memberikan input berlainan daripada apa yang dipelajari dari sekolah. Sudut pandang antara anak muda dan orang dewasa berbeza, justeru harus mencari titik tengah supaya impak pengenalan subjek itu mendatangkan manfaat kepada masyarakat.

? Sebagai belia dan pernah bergelar remaja, apa yang menyebabkan golongan muda terjebak dalam permasalahan itu.

Dalam arus kemodenan dunia hari ini, banyak faktor yang menyumbang kepada permasalahan sosial. Selain faktor psikologi, elemen seperti pendidikan agama yang menjadi teras kepada kehidupan juga perlu dikaji. Keterbukaan masyarakat menerima sesuatu tanpa kawalan turut memberi pengaruh kepada merebaknya masalah sosial. Saya kurang bersetuju dengan sesetengah ibu bapa yang begitu terbuka apabila menyentuh mengenai kebebasan pergaulan. Sikap 'sporting' mereka boleh 'membunuh' masa depan anak masing-masing. Dalam apa juga hal, saya lihat pendidikan di

rumah itu memainkan peranan penting. Jika asuhan dan pendidikan yang diberikan itu mencukupi, tiada masalah untuk kita mengawal permasalahan sosial ini.

“ *Saya kurang bersetuju dengan sesetengah ibu bapa yang begitu terbuka apabila menyentuh mengenai kebebasan pergaulan”*

Fahrin Ahmad

Bersama Selebriti

